
SIARAN MEDIA
12 DISEMBER 2024

3 Lagi Kes Kecurian Elektrik Didakwa di Mahkamah Oleh ECoS

SANDAKAN, 12 Disember - Energy Commission of Sabah (ECoS) tidak akan berkompromi kepada individu atau syarikat yang melanggar undang-undang yang telah diperuntukkan di bawah Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

"Semua aktiviti kecurian elektrik yang berleluasa di Sabah telah mengakibatkan kerugian yang parah terhadap Sabah Electricity (SE)," kata Ketua Pegawai Eksekutif ECoS, Datuk Ir. Abdul Nasser Abdul Wahid, dengan menambah bahawa pihak SE juga akan memulakan tindakan undang-undang sivil menuntut kerugian mulai awal tahun 2025.

Dalam sesi pendakwaan yang telah dijalankan oleh pegawai pendakwa ECoS, Nureen Natasha Raffie pada 9 Disember di Mahkamah Sesyen Sandakan, individu Cheen Hai Hok telah mengaku bersalah terhadap tiga kes berasingan yang menyebabkan kerugian kepada Sabah Electricity (SE) berjumlah lebih daripada RM180,089.24, dan hakim Mahkamah telah menjatuhkan hukuman bayaran denda sebanyak RM20,000 dan sekiranya gagal, penjara selama 6 bulan bagi setiap kes.

Individu atau syarikat yang didapati mencuri elektrik boleh didakwa di bawah Seksyen 61(3)(e) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 yang boleh membawa hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

"ECoS akan meneruskan proses pendakwaan bagi melindungi keselamatan dan kepentingan awam di samping meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatan elektrik. Setakat ini ECoS telah mendakwa sebelas kes kecurian elektrik dan beberapa lagi kes yang ditemui tahun ini akan berhadapan dengan tindakan pendakwaan awal tahun hadapan," kata Mohd Adam Bohari, Pengarah Hal Ehwal Undang Undang ECoS.

[tamat]

Mengenai ECoS

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.